

Suhaidah perlu bantuan rawat mata

Kisah Masyarakat

Oleh ROSMAH DAIN
Gambar MUHAMMAD AMIN
NAHARUL ISLAM

BERAT rasanya menanggung derita hanya Tuhan sahaja yang tahu. Sudahlah sering ditimpa sakit, kos rawatan yang bertambah menyebabkan kemampuan untuk mengumpulkan duit bagi mempercepatkan kos pembedahan matanya yang hampir buta tidak tercapai.

Ini yang dihadapi **Suhaidah Jaffar**, 30, anak kelahiran Johor dan kini menetap di Kampung Sungai Tangkas, Kajang, Selangor, bersama suaminya sejak pernikahan mereka enam tahun yang lalu.

Suhaidah memberitahu, dia tabah menerima kenyataan hidup apabila disahkan sebagai penghidap kencing manis kronik sejak tahun 2008.

"Pada Julai tahun itu saya alami demam panas yang kuat, mengakibatkan kaki menjadi bengkak dan berat. Apabila melakukan pemeriksaan di hospital, doktor kata ada nanah dalam kaki dan kemudian melakukan pembedahan.

"Doktor kata kencing manis yang saya alami ini tahap satu daripada faktor genetik atau keturunan. Adik-beradik saya pun mengalami masalah yang sama sehinggakan adik saya yang berusia 20 tahun pun menghidap kencing manis," jelas anak ketujuh daripada lapan adik-beradik itu.

Pernah bertugas sebagai guru tadika di Bandar Baru Bangi, Selangor, apa yang menyedihkan, akibat masalah kencing manis itu anak yang dikandungnya pada tahun 2009 meninggal dunia akibat kelahiran pramatang.

Dari setahun ke setahun kesihatan Suhaidah juga semakin parah.

Selain kencing manis, buah pinggangnya juga rosak, tulang menjadi rapuh, selain menghidap darah tinggi dan terkini sejak tiga tahun lalu, matanya hampir buta.

Dalam seminggu, Suhaidah perlu menjalani rawatan hmodialis di sebanyak tiga kali. Mujurlah dengan adanya bantuan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Socso), rawatan hemodialisis dapat dijalankan secara percuma. Suhaidah juga terpaksa menggunakan suntikan insulin untuk mengawal tahap kencing manisnya.

Namun apa yang diperlukan Suhaidah ialah perbelanjaan sebanyak RM15,000 bagi mempercepatkan rawatan pembedahan matanya di hospital swasta.

"Doktor kata saya mengalami katarak yang teruk. Sekiranya saya boleh melakukan rawatan dan pembedahan mata segera, mungkin penglihatan saya dapat dipulihkan biarpun tidak seratus peratus.

"Jika mengharapkan pembedahan dari hospital kerajaan, saya terpaksa menunggu sehingga tiga tahun lagi baru saya dapat jalani rawatan berkenaan memandangkan senarai menunggu yang panjang," jelasnya yang berharap tidak terus menjadi buta dan menambah menyulitkan keadaan.

Bagaimanapun nasib Suhaidah baik kerana dalam waktunya yang terhimpit seperti itu, suaminya masih ada di sisi menyokongnya.

Bertugas sebagai seorang pembantu am di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, Negeri Sembilan, **Mohd. Hirwan Muhammad Ishak**, 30, turut



KEADAAN Suhaidah yang lemah memerlukan bantuan Mohd. Hirwan untuk bergerak.



KASIH sayang Mohd. Hirwan kepada Suhaidah tidak mengenal batas.

berkongsi kedukaan bersama isterinya.

"Tiada niat saya untuk meminta-minta tetapi saya sudah hilang cara bagaimana hendak membantu mendapatkan kewangan bagi rawatan pembedahan mata isteri saya," katanya yang berpendapatan sekitar RM700 sebulan.

Sebagai seorang suami, hati mana yang tidak tenang apabila meninggalkan isterinya di rumah berseorangan apabila keluar bertugas.

"Saya takut sekiranya dia jatuh di bilik air, dia tidak akan dapat bangun lagi kerana tulangnya yang rapuh dan mudah mendapat kecederaan.

"Saya hanya mengharapkan bantuan jiran dan bapa saya, untuk melihat-lihat Suhaidah dan menghantar makanan tengah hari buatnya ketika saya bekerja," jelasnya.

Tambahnya dengan pendapatan yang tidak seberapa, dia terpaksa berkorban membeli ubat-ubatan isterinya termasuk ubat untuk dialisis sebanyak RM90 setiap kali rawatan.

"Saya yang menyuntik insulin, membersihkan luka dan menjaga isteri saya. Saya sebenarnya tidak sampai hati melihat penderitaan yang dialaminya, namun saya pasrah dengan dugaan yang menandatangani kata anak sulung daripada lima beradik itu yang juga mengharapkan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Justeru, Mohd. Hirwan berharap orang ramai dapat membantu isterinya agar membolehkan dia menjalani rawatan dan pembedahan mata dalam masa yang terdekat.

Kepada yang mahu menghulurkan bantuan atau datang melihat sendiri keadaan Suhaidah bolehlah menghulurkan bantuan atau mengunjungi Lot 44B, Batu 18, Kampung Sungai Tangkas, 43000 Kajang, Selangor atau hubungi talian 017-2967708 dan 012-6898651.



MAIMUNAH Abd. Karim menyerahkan sumbangan berbentuk hamper kepada Suhaidah Jaffar kepada suaminya, Mohd. Hirwan Muhammad Ishak.

Harap tabah ujian Tuhan

PENDERITAAN yang dialami Suhaidah Jaffar turut mendapat perhatian Skwad Sayang Wanita UMNO Bahagian Serdang.

Baru-baru ini dengan diketuai Pesuruhjayanya yang juga Ketua Wanita UMNO Bahagian Serdang, Maimunah Abd. Karim, 63, skuad itu turut terpenggal

menyampaikan bantuan apa yang termampu.

"Kami sudah menyumbang kerusi roda kepada Suhaidah baru-baru ini dan selalu juga melawat dan meninjau kehidupan pasangan muda ini di rumah dan juga di hospital.

"Apa yang penting kami berharap mereka tabah dengan ujian daripada Tuhan," katanya

yang ditemui bersama Skwad Sayang Wanita UMNO Bahagian Serdang ketika menyampaikan sumbangan kepada Suhaidah, baru-baru ini.

Sehubungan itu beliau berharap orang ramai dapat menghulurkan bantuan kepada Suhaidah supaya penglihatannya dapat dipulihkan.